## 1.0 Syarat Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

1.1 Permohonan Baru

Permohonan hanya akan dipertimbangkan sekiranya pemohon memenuhi syarat-syarat berikut:

**a)** Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah

b) Bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan

**c)** Memenuhi syarat pendaftaran PPK.Kecuali bagi gred G1 modal berbayar/modal terkumpul untuk SPKK adalah RM10,000

**d)** Pendaftaran baru SPKK G1 masih dibekukan sehingga diberitahu.

**e)** Memenuhi syarat pemilikan ekuiti dalam syarikat lain, dan

i. Pemegang saham syarikat/ individu yang telah memiliki SPKK tidak boleh memiliki ekuiti melebihi 5% dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai SPKK.

ii. Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Utama, Personel Teknikal dan Orang Kompeten syarikat yang telah memiliki SPKK tidak boleh wujud/ didaftarkan dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai SPKK.

Nota : Pengecualian diberi kepada konsortium, Koperasi, Persatuan dan GLC (Ali Lembaga Pengarah / Pemilik)

**f)** Memenuhi syarat pensijilan seperti berikut:

**i.** Memperolehi sijil penilaian SCORE yang masih sah sekurang-kurangnya 3 bintang bagi kontraktor gred G5, G6 dan G7

**ii.** Memperolehi sijil penilaian SCORE yang masih sah sekurang-kurang 2 bintang bagi kontraktor gred G2, G3 dan G4.

**iii.** Memperolehi pensijilan ISO 9001:2008/2015 yang masih sah bagi gred G7.

1.2 Pembaharuan

Permohonan hanya akan dipertimbangkan sekiranya pemohon memenuhi syarat-syarat berikut:

a) Memenuhi syarat seperti di para 1.1 (a – e ).

**b)** Bagi G1 syarat kewangan yang ditetapkan untuk memperbaharui sijil SPKK adalah sekurang-kurangnya RM10,000.00.

c) Memperolehi sijil penilaian SCORE yang masih sah bagi permohonan pembaharuan SPKK gred G7.

d) Perubahan Ekuiti

a) Bagi gred G1, perubahan ekuiti tidak dibenarkan (samada melalui pindahmilik atau tambah saham) yang mana jika jumlah saham yang dimiliki oleh pemegang saham baru adalah melebihi 49% daripada modal berbayar / terkumpul syarikat, jika berlaku SPKK akan terbatal dan tiada permohonan baru dibenarkan.

ii) Bagi gred G2 hingga G7

- Perubahan saham daripada milikan asal 100% dipindahkan ke milikan baru 100% dibenarkan
- Perubahan saham melebihi 49% dimiliki oleh pemegang modal baru adalah dibenarkan.

e) Kemasukan pemegang modal baru

i) Bagi gred G1 Pemegang saham/pemilik/rakan kongsi baru (individu atau syarikat) tidak dibenarkan memiliki jumlah peratus modal terbesar (majoriti) melainkan Pemegang saham/pemilik/rakan kongsi baru (individu atau syarikat) telah berada dalam syarikat selama 5 tahun bersama dengan Pemegang saham/pemilik/rakan kongsi sediaada .

ii) Bagi gred G2 hingga G7 tiada had tahun untuk pindah milik modal.

f) Permohonan pembaharuan boleh dikemukakan bersama dengan permohonan PPK.

1.3 Perubahan Gred Pendaftaran SPKK

Perubahan gred samaada turun gred pendaftaran atau naik gred pendaftaran dibenarkan kecuali penurunan gred ke G1/F (Bumiputera) tidak dibenarkan.

1.4 Carta Alir permohonan Baru /Pembaharuan SPKK

Berikut adalah carta alir bagi permohonan SPKK baru dan pembaharuan.

*Carta Alir permohonan Baru /Pembaharuan SPKK*



1.5 Skrin permohonan Baru dan Pembaharuan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Berikut adalah skrin permohonan Baru dan Pembaharuan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

1) Masukkan ID/nama pengguna dan kata laluan. Klik “Log Masuk”

2) Klik “Pendaftaran Baru SPKK”







3) Maklumat pendaftaran PPK akan dipaparkan dan senarai semak SPKK juga akan dipaparkan. Sekiranya salah satu dari senarai semak bertanda pangkah bermakna permohonan tidak boleh diterus.

4) Klik pada ikon pangkah untuk ke paparan seterusnya

5) Pemberitahuan mengenai maklumat syarikat sediaada dalam profail akan dipaparkan. Sila semak maklumat profail sebelum meneruskan permohonan SPKK. Klik pada “kotak pengesahan”

6) Klik “ teruskan”






7) Klik “tambah baru” untuk memasukkan maklumat Penama SPKK.

8) Klik pada kotak “pilih daripada” untuk membuat pilihan senarai penama dari kategori penama yang telah diisytiharkan semasa membuat permohonan PPK (pengarah/ pemilik/ personel teknikal/ pengurusan utama/ orang kompeten). Sekiranya penama tidak terdapat dalam pilihan senarai tersebut, sila buat permohonan kemaskini maklumat pendaftaran/syarikat untuk memasukan penama baru dalam senarai Penama SPKK dahulu. Dan buat permohonan Baru SPKK semula.

9) Kemaskini maklumat Penama

10) Klik “simpan”




11) Ulang langkah 7 hingga 10 untuk memasukan maklumat penama yang lain. Maksimum hanya 5 penama sahaja. Maklumat penama yang telah dimasukkan akan dipaparkan.

12) Klik “simpan dan teruskan”

13) Klik “cetak invois”.

14) Klik pada salah satu kaedah cara bayaran. Yuran proses hendaklah dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan dihantar. Sekiranya melebihi tempoh tersebut, permohonan akan batal secara automatik. Jika memilih utk membuat bayaran melalui kaunter CIDB, sila bawa bersama Profoma Invois untuk urusan pembayaran yuran proses.



15) Setelah bayaran berjaya dibuat " butiran transaksi" akan dipaparkan. Sila klik "Cetak Resit"

16) Resit rasmi bayaran akan dipaparkan.

17) Klik "sila kembali ke laman utama" untuk ke paparan akaun syarikat semula







18) Untuk menyemak status permohonan klik "papar sejarah permohonan"

19) Transaksi permohonan beserta status permohonan akan dipaparkan.







Application History

| Application For | Application Date | Application No. | Application Status | Remarks |
|---|---|---|---|---|
| Special Tender Bid | 26/12/2017 10:50:44 | P110320171226061695 | Approved | |
| Renew SPKK Registration | 26/12/2017 10:41:58 | P260320171226061694 | In-Progress | |
| Special Tender Bid | 27/09/2017 18:20:07 | P110320170927045409 | Approved | |
| Special Tender Bid | 19/09/2017 08:55:24 | P110320170919040102 | Approved | |
| Special Tender Bid | 19/09/2017 08:35:59 | P110320170919040094 | Approved | |
| Special Tender Bid | 19/09/2017 08:30:51 | P110320170919040091 | Approved | |
| STB Registration | 24/09/2015 00:00:00 | P240320150929006 | | |
| PPK Registration | 24/09/2015 00:00:00 | P040320150811006 | Approved | |
| SPKK Registration | 04/09/2015 00:00:00 | P230320150811003 | Approved | |
| SPKK Registration | 04/09/2015 00:00:00 | P230320150811003 | Approved | |

20) Klik “papar surat dan sijil”

21) Klik pada icon “surat” untuk mencetak surat

22) Klik pada icon “sijil” untuk mencetak sijil







23) Contoh surat lulus SPKK

24) Contoh Sijil SPKK



CIDB MALAYSIA

23

Nombor Permohonan:: Q261320171227061706
Tarikh: 27/12/2017

**A.Z.H. ENTERPRISE**
PIBU, BLOCK B, TINGKAT 2 KOMPLEK CIDB WILAYAH SARAWAK JALAN SULTAN TENGAH, PETRA JAYA
93050 SARAWAK

Tuan,

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)**

Dengan hormatnya merujuk kepada nombor permohonan dan perkara di atas. Sukacita dimaklumkan permohonan telah dipertimbangkan dan diluluskan seperti berikut:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Gred** | G1 | G1 | G1 | G1 |
| **Kategori** | B | CE | ME | ME |
| **Alamat berdaftar (alamat yang akan tertera pada sijil)** | PIBU, BLOK B, TINGKAT 2 KOMPLEKS CIDB WILAYAH SARAWAK JALAN SULTAN TENGAH, PETRA JAYA | | | |
| **Daerah** | KUCHING | | | |
| **Tempoh Kelulusan** | **Mula** : 27/12/2017<br>**Tamat**: 23/02/2027 | | | |
| **Penama dalam Sijil SPKK** | ROHAIDA BT MAHMUD | | 600708056088 | |
| | ABANG ALI BASAH BIN ABANG MASEN | | 490821135055 | |

2. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan hendaklah dicetak secara online oleh pihak kontraktor.

3. Tuan adalah diingatkan supaya menyimpan dokumen sokongan yang asal dalam tempoh 3 tahun bagi tujuan Semakan Kepatuhan Kontraktor (CCA). Maklumat yang telah di isytihar dianggap benar oleh Lembaga. Sekiranya terdapat percanggahan / pemalsuan maklumat, Lembaga berhak mengambil tindakan ke atas Perakuan Pendaftaran syarikat tuan.



CIDB MALAYSIA

**SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN**

Adalah disahkan syarikat/Firma ini adalah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat-syarat termaktub bersama sijil ini.

No. Pendaftaran : **0120170712-KD000182**
Nama Kontraktor : **PAK TAM FITRI ENTERPRISE**
Alamat Berdaftar : **325 TAMAN SRI PUTRA**
**08000 KEDAH**
Daerah : **KUALA MUDA**
Tarikh Mula Berdaftar : **12/07/2017**

| GRED | KATEGORI | |
|---|---|---|
| G2 | B | (Pembinaan Bangunan) |
| G2 | CE | (Pembinaan Kejuruteraan Awam) |

| PEGAWAI SYARIKAT YANG DITAULIAHKAN | NO. K/P |
|---|---|
| MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL MANAF | 910413145949 |

Tarikh Mula Berkuatkuasa : **19/09/2017**
Tarikh Habis Tempoh Perakuan : **12/07/2019**

24

Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tarikh: 19/09/2017